

MESYUARAT PEMERINTAHAN PANGLIMA TENTERA UDARA SIRI 2/2017

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2673-mesyuarat-pemerintahan-panglima-tentera-udara-siri-2-2017

KUALA LUMPUR, 15 Nov 17 – Mesyuarat Pemerintahan Panglima Tentera Udara Siri 2/2017 telah membuka tirai hari ini di Kelab Rekreasi Tentera Udara (KRTU), Pangkalan Udara Subang. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dihadiri oleh Timbalan Panglima Tentera Udara, Panglima Operasi Udara, Panglima Bantuan Udara, Panglima-panglima Pemerintahan, AKS-AKS Bahagian, Komander Pangkalan dan Pegawai Memerintah dari Skuadron bukan unit penerangan.

Mesyuarat yang diadakan secara dwi-tahunan adalah bertujuan untuk memberi peluang berinteraksi sambil bertukar-tukar fikiran serta medium kepada Panglima Tentera Udara untuk menyampaikan arahan dan dasar-dasar baru perkhidmatan.



